

Keputusan kebenaran merayu Semantan Estate 13 November

Syarikat tuntutan tanah dipindah semula kepada SESB, mahu pampasan 70 tahun

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Mahkamah Persekutuan akan memutuskan pada 13 November ini permohonan syarikat Semantan Estate Sdn Bhd (SESB) bagi mendapatkan kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes pertikaian tanah seluas 263.272 ekar (106.542 hektar) di Mukim Batu, dikenali sebagai Duta Enclave.


Panel tiga hakim yang dipengerusikan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Hasnah Mohammed Hashim, menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak ketika prosiding semalam.

Turut bersidang ialah Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Hanipah Farikullah dan Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali.

Peguam Datuk Dr Cyrus V

“Tidak wujud sebarang percanggahan kehakiman atau ketidakselarasan autoriti yang memerlukan penjelasan lanjut oleh mahkamah ini.”

Shamsul Bolhassan,
Peguam Kanan Persekutuan



Das mewakili SESB, manakala Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan bertindak bagi pihak kerajaan dan enam responden lain.

Dalam hujahannya, peguam Ira Biswas yang turut mewakili SESB, berkata syarikat itu menuntut supaya tanah berkenaan dipindahkan semula kepada SESB kerana didakwa diambil secara tidak sah, selain menuntut pampasan dan keuntungan hasil penggunaan tanah berkenaan selama hampir 70 tahun.

Melampaui bidang kuasa

Sementara itu, Das berhujah, Mahkamah Rayuan melampaui bidang kuasa apabila memerintahkan supaya pampasan dibayar kepada SESB tanpa permohonan rasmi mana-mana pihak, tindakan yang disifatkannya sebagai menghalalkan pengambilan tanah secara ti-

dak sah dan bercanggah dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan yang melindungi hak milik persendirian.

Beliau juga berkata, peruntukan pra-Merdeka seperti Seksyen 29(1)(b) Akta Prosiding Kerajaan dan Seksyen 8(3) Akta Relief Khusus tidak sepatutnya digunakan untuk menghalang pemulangan semula tanah kerana bercanggah dengan semangat Perlembagaan.

Shamsul dalam hujahnya pula, berkata permohonan SESB itu tidak memenuhi syarat yang diperlukan untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan mengikut Seksyen 96(a) dan (b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Shamsul berkata, prinsip undang-undang yang mengawal Seksyen 29(1)(b) Akta Prosiding Kerajaan 1956, perintah mandamus dan pampasan di bawah Perkara 13 Perlembagaan



Sebahagian bangunan yang termasuk dalam kawasan Duta Enclave.

(Foto hiasan)

Persekutuan telah pun ditetapkan dengan jelas dan telah digunakan secara konsisten oleh Mahkamah Persekutuan.

“Oleh itu, tidak wujud sebarang percanggahan kehakiman atau ketidakselarasan autoriti yang memerlukan penjelasan lanjut oleh mahkamah ini,” katanya.

Pada 8 Ogos tahun lalu, Mahkamah Tinggi membenar-

kan saman pemula SESB supaya tanah berkenaan dipindah milik kepada syarikat itu mengikut Seksyen 417 Kanun Tanah Negara 1965.

Bagaimanapun, pada 12 September tahun lalu, kerajaan berjaya dalam permohonan menggantung keputusan berkenaan sementara menunggu pelupusan rayuan kerajaan di Mahkamah Rayuan.